

06 MAR 1997

AGONG HADIRI MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini berangkat menghadiri mesyuarat ke-175 Majlis Raja-Raja di Istana Negara di sini.

Seri Paduka diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mesyuarat itu bermula semalam dan berakhir hari ini.

Semua raja dan Yang Dipertua Negeri berangkat hadir kecuali Sultan Selangor yang diwakili Raja Muda Tengku Idris Shah, Sultan Pahang diwakili oleh Tengku Mahkota Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, Sultan Johor diwakili oleh Tengku Mahkota Tengku Ibrahim Ismail dan Sultan Kelantan diwakili oleh Tengku Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz.

Yang turut hadir ialah menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri yang mengiringi ketua negeri masing-masing. -- BERNAMA

HAK NMO